



KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA



**www.perkeso.gov.my  
1-300-22-8000**

- PERKESO Official
- @perkeso official
- @PERKESOofficial
- PERKESO

**Imbas dan  
carum**



KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA



# **Skim Keselamatan Sosial Pekerjaan Sendiri (SKSPS)**



# Skim Keselamatan Sosial Pekerjaan Sendiri (SKSPS)

Skim Keselamatan Sosial Pekerjaan Sendiri (SKSPS) menyediakan perlindungan Bencana Pekerjaan Sendiri kepada individu yang menjalankan aktiviti pekerjaan sendiri di bawah peruntukan Akta Keselamatan Sosial Pekerjaan Sendiri 2017 (Akta 789).

Bencana Pekerjaan Sendiri ertiaya kecederaan diri pada Orang Berinsurans Bekerja Sendiri (OBBS) yang disebabkan oleh suatu kemalangan atau suatu penyakit pekerjaan akibat daripada dan semasa menjalankan aktiviti pekerjaan sendirinya termasuk semasa dalam perjalanan yang berkaitan dengan aktiviti pekerjaan sendirinya.

Penyakit pekerjaan adalah penyakit yang berpunca atau terbit daripada pekerjaan sebagaimana yang disenaraikan dalam Jadual Kelima, Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969.

Perlindungan SKSPS telah diperluaskan kepada 20 sektor informal berikut:

*Pengangkutan Penumpang	Perniagaan Online
*Pengangkutan Barang atau Makanan	Penjagaan Perawatan dan Pemulihan Kesihatan
Pertanian	Teknologi Maklumat
Penternakan	Pemprosesan Data
Perhutanan	Perkhidmatan Profesional
Perikanan	Perkhidmatan Sokongan
Pembuatan	Kesenian
Pembinaan	Ejen
Makanan	Perkhidmatan Isi Rumah
Premis Penginapan	Penjaja

\*Termasuk dua sektor yang dimandatorikan.

Kegagalan Orang Bekerja Sendiri (OBS) berdaftar dan mencarum di bawah sektor yang telah dimandatorikan, melakukan kesalahan dan boleh disabitkan, didenda tidak melebihi sepuluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya sekali.



## Kelayakan

- Warganegara Malaysia/ pemastautin tetap tanpa mengira had umur; dan
- Individu yang menjalankan aktiviti pekerjaan sendiri untuk mencari nafkah dan mendapat upah.

## Dokumen Diperlukan

- Salinan kad pengenalan.
- Salinan lesen/ kad pemandu/ profil e-hailing/ permit/ sijil atau surat pengesahan daripada persatuan atau agensi yang berkaitan tertakluk kepada jenis sektor yang dipilih.

## Jadual Pilihan Caruman

Kadar caruman berdasarkan pilihan seperti di bawah:

Pelan	Pendapatan Bulanan Pilihan Yang Diinsuranskan	Bayaran Caruman Bulanan	Bayaran Caruman Setahun
1	RM1,050	RM13.10	RM157.20
2	RM1,550	RM19.40	RM232.80
3	RM2,950	RM36.90	RM442.80
4	RM3,950	RM49.40	RM592.80

## Pembayaran Caruman

Pembayaran boleh dilakukan secara bulanan atau tahunan melalui:

- Portal MATRIX di <https://matrix.perkeso.gov.my>
- Aplikasi PERKESO Prihatin
- Ejen PERKESO yang sah (<https://www.perkeso.gov.my/ejen-keselamatan-sosial-pekerjaan-sendiri.html>)
- Bayaran tunai di semua Pejabat PERKESO

Individu bekerja sendiri yang mencarum di bawah skim ini akan mendapat perlindungan bermula dari tarikh dan masa caruman dibayar serta diperakui menerusi resit bayaran caruman.

## Faedah-Faedah yang Disediakan

Faedah Perubatan	OBBS boleh membuat tuntutan bayaran ganti belanja kos rawatan kepada PERKESO dan kelulusan tuntutan tertakluk kepada syarat-syarat yang ditentukan oleh PERKESO atau Akta Fi 1951.
Faedah Hilang Upaya Sementara (FHUS)	FHUS dibayar kepada OBBS sepanjang tempoh cuti sakitnya yang dikeluarkan oleh Pegawai Perubatan. Tempoh cuti sakit mestilah sekurang-kurangnya empat (4) hari termasuk hari kemalangan.
Faedah Hilang Upaya Kekal (FHUK)	Hilang upaya kekal ertiaya hilang upaya yang berkekalan hingga mengurangkan keupayaan seseorang untuk menjalankan aktiviti pekerjaannya. Kadar bayaran FHUK sebanyak 90% daripada pendapatan bulanan yang diinsuranskan.
Faedah Orang Tanggungan (FOT)	FOT dibayar secara bulanan kepada orang tanggungan/waris yang layak sekiranya OBBS meninggal dunia akibat bencana pekerjaan sendiri. Orang tanggungan/waris yang layak adalah bala/duda dan anak di bawah 21 tahun atau ibu bapa dan adik beradik di bawah 21 tahun atau datuk nenek (sekiranya ibu bapa telah meninggal dunia).
Elaun Layanan Sentiasa (ELS)	ELS sebanyak RM500 sebulan dibayar kepada OBBS yang mengalami hilang upaya kekal sepenuhnya dan tidak upaya dengan teruknya serta sentiasa memerlukan layanan daripada orang lain.
Faedah Pengurusan Mayat (FPM)	FPM sebanyak RM2,000 dibayar kepada orang tanggungan/waris sekiranya OBBS meninggal dunia akibat daripada bencana pekerjaan sendiri atau semasa menerima bayaran berkala FHUK berkala.
Kemudahan Pemulihan Jasmani dan Vokasional	i. Pemulihan jasmani secara percuma seperti fisioterapi, bekalan prostetik & ortotik, rawatan hemodialisis, kerusi roda, tongkat, lampin dan lain-lain. ii. Kemudahan vokasional secara percuma seperti latihan dalam bidang elektrikal, jahitan, membaiki radio dan lain-lain.
Faedah Pendidikan	Faedah Pendidikan merupakan kemudahan pinjaman kepada anak tanggungan sekiranya OBBS meninggal dunia akibat bencana pekerjaan sendiri atau menerima bayaran berkala FHUK dan memenuhi syarat-syarat kelayakan yang ditetapkan.

## Jadual Pengiraan Bayaran Faedah

Caruman Faedah	Pelan 1	Pelan 2	Pelan 3	Pelan 4
Faedah Hilang Upaya Sementara	RM13.10 sebulan / RM157.20 setahun	RM19.40 sebulan / RM232.80 setahun	RM36.90 sebulan / RM442.80 setahun	RM49.40 sebulan / RM592.80 setahun
Faedah Hilang Upaya Kekal	RM30 sehari	RM41.33 sehari	RM78.67 sehari	RM105.33 sehari
Faedah Hilang Upaya Kekal (Contoh: Kadar taksiran hilang upaya kekal 20% dan umur OBBS 22 tahun)	Bayaran Pukal: RM53,739	Bayaran Pukal: RM79,329	Bayaran Pukal: RM150,981	Bayaran Pukal: RM202,161
Faedah Hilang Upaya Kekal (Contoh: Kadar taksiran hilang upaya kekal 100% dan umur OBBS 22 tahun)	Bayaran Pukal: RM53,739 & Pencen berkala: RM756 sebulan	Bayaran Pukal: RM79,329 & Pencen berkala: RM1,116 sebulan	Bayaran Pukal: RM150,981 & Pencen berkala: RM2,124 sebulan	Bayaran Pukal: RM202,161 & Pencen berkala: RM2,844 sebulan
Faedah Orang Tanggungan (Contoh: OBBS telah berkahwin meninggal bala/duda dan anak bawah 21 tahun)	RM945 sebulan	RM1,395 sebulan	RM2,655 sebulan	RM3,555 sebulan
Faedah Pengurusan Mayat	RM2,000	RM2,000	RM2,000	RM2,000
Elaun Layanan Sentiasa	RM500 sebulan	RM500 sebulan	RM500 sebulan	RM500 sebulan